



Oleh Mohd Roji Abdullah
bhnews@bharian.com.my

Usaha gigih penyelidik naikkan nama universiti

Terus
mengorak
langkah
dalam
bidang
penyelidikan
dan inovasi

SEJAK 2003, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang ketika itu dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUITTHO) sudah melakar sejarah dalam bidang penyelidikan dan inovasi peringkat kebangsaan.

Pelbagai anugerah diraih hasil usaha gigih penyelidik dan pencipta yang bukan saja berhasrat menaikkan nama universiti itu tetapi yang paling utama menghasilkan sesuatu ciptaan untuk memudahkan orang lain.

Penyertaan pertama universiti itu dalam Pameran Penyelidikan dan Pembangunan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada 2003 menerusi kajian kegunaan lateks getah dan karbon hitam sebagai gen penguat dan pengubahsuaian bitumen campuran konkrit asphalt mendapat pengiktirafan Persatuan Sains dan Teknologi Keadaan Pepejal Malaysia (MASS).

Selepas mendapat pengiktirafan sulung itu, UTHM tidak menoleh ke belakang lagi dan terus menyertai pelbagai pertandingan di peringkat kebangsaan untuk membuktikan keupayaan mereka.

Hasilnya, pada 2004 UTHM berjaya meraih pingat perak pada Pertandingan Rekacipta dan Inovasi sempena Ekspo Sains, Teknologi dan Inovasi yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2006 pula, UTHM meraih satu pingat perak menerusi ciptaan sistem pengesan kenderaan menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) dan UTHM turut meraih tiga pingat gangsa menerusi ciptaan mereka yang dipamerkan pada ekspo itu.

Penyertaan pada Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Kebangsaan (NRIC) 2007 di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang, terus membuktikan kemampuan UTHM dalam bidang penyelidikan.



PERTANDINGAN Rekacipta dan Inovasi sempena Ekspo Sains, Teknologi dan Inovasi di PWTC.

Universiti itu berjaya meraih dua pingat perak menerusi projek mereka 'Plain Strain Fracture Toughness Analysis' dan Automatic Test Cases Generation Based On Source Codes'.

UTHM turut meraih sebutir pingat gangsa pada NRIC 2007 menerusi ciptaan mereka 'Development of Monitoring System For Wafer Fabrication Cleanroom Using Labview 7.1 Software'.

Pada 2008, UTHM terus mengorak langkah dalam bidang penyelidikan dan inovasi malah tahun itu dianggap titik permulaan penguasaan universiti itu apabila mereka berjaya meraih dua pingat emas pada Ekspo Teknologi Malaysia (MTE) 2008 yang diadakan di PWTC, Kuala Lumpur.

Kemenangan sulung itu diperoleh menerusi 'Modified Grouting Polymer yang dihasilkan Prof Madya Dr Mohd Idrus Mohd Masirin, Fajaruddin Mustakim dan Amir Zaki Salikin,

manakala satu lagi diperolehi pasukan Lam Kah Hoe, Yam Jhi Hao, Wong Weng Hong dan Ng Wei Jin menerusi COMSKET ciptaan mereka.

Penyertaan pada MTE 2008 turut menghasilkan dua perak dan empat gangsa buat UTHM menerusi enam lagi hasil ciptaan kumpulan penyelidik mereka.

Pingat perak diperoleh menerusi Mohamad Fahmi Abdul Ghafir dan Abdul Mutalib Leman menerusi ciptaan mereka 'Automotive Components Using Palm Oil Based Fly Ash Composite' manakala satu lagi diraih pasukan Ignatius Agung Wibowo, Pro. Madya Dr Kemas Ahmad Zamhari, Prof Madya Ayob Johari dan Basil David Daniel menerusi hasil kajian mereka 'High-Speed Integrated Weigh-In-Motion System'.

Pingat gangsa pula diraih Prof Madya Dr Lee Yee Loon, Koh



EKSPLO Teknologi Malaysia (MTE) 2008 di PWTC.



PERTANDINGAN penyelidikan dan Inovasi kebangsaan (NRIC) 2007 di USM, Pulau Pinang.

Heng Boon, Izudinshah Abdul Wahab, Mohd Hilton Ahmad dan Yap Yoon Wah menerusi ciptaan mereka Kuik Cabin manakala satu lagi pingat gangsa diperoleh Mohd Faizal Mohideen Batcha, Mohd Azwir Azlan dan Mahmod Abd Hakim Mohamad menerusi ciptaan mereka CVT Lubricant Test Device For Automotive Applications.

Turut menyumbang pingat gangsa pada MTE 2008, Prof Madya Dr Kemas Ahmad Zamhari, Ignatius Agung Wibowo, Rosnawati Buhari, Mohd Fauzul Azim Mohd Zin dan Zamra Jasman menerusi ciptaan mereka 'Low Cost NDT System for Pavement Structural Evaluation' manakala dua lagi disumbangkan Elmy Johanna Mohamad,

Muhamad Nurazmi Abas dan Rosmaya Mohd Yahya menerusi ciptaan mereka 'Universal Tracking and Navigation System (U-trac)' dan Elmy Johanna Mohamad Flame turut menyumbangkan satu lagi pingat gangsa menerusi hasil ciptaannya 'Imaging Using Laser-Based Transmission Tomography'.

Selain kejayaan staf akademiknya menghasilkan penyelidik bermutu tinggi, pelajar UTHM turut mempamer kebolehan mereka pada pertandingan peringkat kebangsaan.

Tahun ini, sekumpulan pelajar UTHM meraih tiga pingat gangsa pada Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Kebangsaan (NRIC) 2009 yang diadakan di USM, Pulau Pinang, Mei lalu.

Kejayaan itu diperolehi Firdaus Akhimullah Munir Al-Hakim, Fazira Shafie dan Irfasuziela Ibrahim menerusi kajian kes bertajuk 'Persepsi Penduduk Bumiputera Terhadap Pembangunan Iskandar Malaysia'.

Turut menyumbang pingat gangsa Mohd Kamil Ahmad Tajuddin dengan hasil kajiannya 'Pembangunan Mesion Bio-Diesel Berasaskan Minyak Masak Terpakai' dan Muizzuddin Yusof serta Mohd Aliff Mohd Safii menerusi 'Design and Analysis Between Metal-Metal and Metal-Polymer Combination for Artificial Hip Joint'.

Kejayaan yang dicapai setiap tahun sejak 2003 itu membuktikan UTHM kini setanding IPTA lain di negara ini meskipun usianya boleh dianggap setahun jagung.

